



 Dr Zaliha (tiga dari kanan) bersama Hoe Yean (dua dari kanan) dan Ariana Nur Dania (tiga dari kiri) selepas dinobatkan Olahragawan serta Olahragawati ASWP 2023/24. - Foto MSWP

Dr Zaliha (tiga dari kanan) bersama Hoe Yean (dua dari kanan) dan Ariana Nur Dania (tiga dari kiri) selepas dinobatkan Olahragawan serta Olahragawati ASWP 2023/24. - Foto MSWP

Hoe Yean, Ariana atlet terbaik Wilayah Persekutuan

PUTRAJAYA: Jaguh renang negara Khiew Hoe Yean dan pemanah sensasi Ariana Nur Dania Mohamad Zairi dinobatkan Olahragawan dan Olahragawati Wilayah Persekutuan 2023/2024 pada Anugerah Sukan Wilayah Persekutuan (ASWP) hari ini.

Kedua-dua atlet yang pernah mewakili negara ke Sukan Olimpik Paris 2024 itu masing-masing membawa pulang piala pusingan, wang tunai RM8,000 dan sijil penghargaan yang disampaikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa.

Hoe Yean, 23, mengetepikan dua calon lain iaitu pemanah Alang Ariff Aqil Muhammad Ghazali dan penerjun Nurqayyum Nazmi Mohamad Nazim untuk gelaran Olahragawan Wilayah Persekutuan.

Kejayaan itu menyaksikan sukan renang kembali mendominasi ASWP selepas kali terakhir perenang Ian James Barr meraih gelaran sama pada edisi 2013/2014.

Bagi kategori wanita, Ariana, 20, menewaskan atlet boling padang Nur Ain Nabillah Tarmizi dan atlet wushu Kwan Yong Xin untuk bergelar Olahragawati Wilayah Persekutuan.

Pemanah recurve berasal dari Kuala Lumpur itu layak ke temasya Paris 2024 dalam acara individu dan berpasukan selepas aksi cemerlang di Kejohanan Kelayakan Benua Asia di Bangkok, Thailand, pada November 2023 serta Final Olympic Qualifier Archery In Paris 2024.

Sementara itu, Dr Zaliha dalam ucapannya berkata kejayaan demi kejayaan diraih atlet Wilayah Persekutuan telah membuktikan bahawa bakat tempatan mempunyai tempat tersendiri dalam arena sukan negara dan antarabangsa.

"Ini adalah hasil gabungan usaha para atlet, jurulatih, keluarga dan seluruh ekosistem sokongan sukan yang telah kita bina," katanya.

Beliau berkata selaras dengan hasrat Kerajaan MADANI yang menekankan sukan sebagai sebahagian daripada agenda pembangunan insan, Wilayah Persekutuan turut memperkenalkan visi Bandar CHASE, dengan Healthy City atau Bandar Sihat sebagai satu daripada komponennya.

"Justeru, bagi menyambut hasrat tersebut, saya minta pasukan MSWP untuk terus memperkukuh ekosistem sukan dengan pelaburan dalam bakat muda, fasiliti lebih moden dan juga program pembangunan sukan yang berterusan," katanya.

Dr Zaliha turut mengumumkan bahawa mulai tahun depan, pengurusan kontinjen para Wilayah Persekutuan akan dipindahkan daripada Jabatan Belia dan Sukan kepada MSWP supaya pembangunan sukan para dapat digerakkan dengan lebih komprehensif.

Beliau pada masa sama mencabar kontinjen Wilayah Persekutuan untuk mengekalkan kedudukan lima teratas pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) ke-22 dan Para SUKMA 2026 di Selangor, serta mengintai peluang merampas kejuaraan keseluruhan selepas muncul naib juara pada edisi lepas.

"Kurang lebih 300 hari sahaja lagi, kita akan beraksi di SUKMA ke-22 dan Para SUKMA 2026 dan saya yakin kita mampu mengekalkan rekod cemerlang yang kita pegang selama ini, dan tahun depan saya nak cabar semua untuk kita rampas pula kejuaraan SUKMA.

"Insya-Allah, jika cabaran ini disahut, saya akan pastikan ganjaran istimewa menanti penyumbang pingat kontinjen Wilayah Persekutuan," katanya.

Menurut beliau, atlet Wilayah Persekutuan juga diharap dapat menyerlah di pentas antarabangsa termasuk Sukan SEA 2025 di Thailand, Sukan Asia 2026 di Aichi-Nagoya dan Sukan Komanwel 2026 di Glasgow. - BERNAMA

Berita Berkaitan



MyMetro (<https://www.hmetro.com.my>)

› Arena (<https://api.hmetro.com.my/arena>)



DR Zaliha (tiga dari kanan) bersama Hoe Yean (dua dari kanan) dan Ariana Nur Dania (tiga dari kiri) selepas dinobatkan Olahragawan serta Olahragawati ASWP 2023/24.

Aida Adilah Mat

aida_adilah@hmetro.com.my

(mailto:)

Putrajaya: Jaguh renang negara, Khiew Hoe Yean dan pemanah sensasi, Ariana Nur Dania Mohamad Zairi dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Wilayah Persekutuan pada Majlis Anugerah Sukan Wilayah Persekutuan (ASWP) 2023/2024 yang berlangsung di Dewan Seri Siantan, Perbadanan Putrajaya, petang ini.

Kedua-dua atlet yang pernah membawa cabaran negara ke Sukan Olimpik Paris 2024 itu masing-masing membawa pulang piala pusingan, wang tunai RM8,000 serta sijil penghargaan yang disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa.

Hoe Yean, 23, yang turut beraksi cemerlang di pelbagai kejohanan antarabangsa menewaskan dua calon lain iaitu pemanah, Alang Ariff Aqil Muhammad Ghazali dan penerjun, Nurqayyum Nazmi Mohamad Nazim untuk gelaran Olahragawan Wilayah Persekutuan.

Kejayaan itu menyaksikan sukan renang kembali merangkul anugerah tertinggi ASWP selepas kali terakhir dimenangi perenang Ian James Barr pada edisi 2013/2014.

Bagi kategori wanita, Ariana, 20, membuktikan keunggulannya apabila mengetepikan cabaran atlet boling padang, Nur Ain Nabilah Tarmizi dan atlet wushu, Kwan Xin untuk dinobatkan sebagai Olahragawati Wilayah Persekutuan.

Hoe Yean, Ariana jadi tumpuan ASWP

Home / Hoe Yean, Ariana jadi tumpuan ASWP



Adila

Oct, Tue, 2025

Berita

Hoe Yean, Ariana jadi tumpuan ASWP

Kuala Lumpur: Perenang kebangsaan, Khiew Hoe Yean menjadi tumpuan utama menjelang Majlis Anugerah Sukan Wilayah Persekutuan (ASWP) 2023/2024 yang bakal berlangsung di Putrajaya, Kham



Sports

Sumbangan Syed Yazid kepada bola sepak Kuala Lumpur diiktiraf

Metro

October 23, 2025 | 10:39 pm



Kuala Lumpur: Dedikasi dan komitmen dicurahkan sepenuh jiwa hampir 15 tahun kepada pembangunan bola sepak di Kuala Lumpur menyaksikan Syed Yazid Syed Omar dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pegawai Sukan Terbaik Wilayah Persekutuan 2023/2024 pada majlis Anugerah Sukan Wilayah Persekutuan (ASWP) 2023/2024 di Putrajaya, hari ini.

© New Straits Times Press (M) Bhd



PREVIOUS

Pertikai bantuan? Mahfuz cadang MP PAS guna RM100 SARA bantu a...

NEXT



Arab Saudi anjur kejohanan Masters 1000 pertama mulai 2028

[Read Full News →](#)[← Back to Home](#)



Cari kata kunci

GOSIP BADMINTON BOLA SEPAK E-SUKAN HOKI PERMOTORAN SUKAN LAIN

Hoe Yean, Ariana dinobatkan Olahragawan dan Olahragawati ASWP 2023/24

Aida Adilah Mat
aida.adilah@hmetro.com.my



DR Zaliha (tiga dari kanan) bersama Hoe Yean (dua dari kanan) dan Ariana Nur Dania (tiga dari kiri) selepas dinobatkan Olahragawan serta Olahragawati ASWP 2023/24.

Putrajaya: Jaguh renang negara, Khiew Hoe Yean dan pemanah sensasi, Ariana Nur Dania Mohamad Zairi dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Wilayah Persekutuan pada Majlis Anugerah Sukan Wilayah Persekutuan (ASWP) 2023/2024 yang berlangsung di Dewan Seri Siantan, Perbadanan Putrajaya, petang ini.

Kedua-dua atlet yang pernah membawa cabaran negara ke Sukan Olimpik Paris 2024 itu masing-masing membawa pulang piala pusingan, wang tunai RM8,000 serta sijil penghargaan yang disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa.

Hoe Yean, 23, yang turut beraksi cemerlang di pelbagai kejohanan antarabangsa menewaskan dua calon lain iaitu pemanah, Alang Ariff Aqil Muhammad Ghazali dan penerjun, Nurqayyum Nazmi Mohamad Nazim untuk gelaran Olahragawan Wilayah Persekutuan.

Kejayaan itu menyaksikan sukan renang kembali merangkul anugerah tertinggi ASWP selepas kali terakhir dimenangi perenang Ian James Barr pada edisi 2013/2014.

Disyorkan

- [Lapan isu di bawah MA63 dalam rundingan - Fadillah](#)
- [Banjir: 5 PPS dibuka di Kulim](#)
- [Messi sah sambung kontrak hingga 2028 bersama Inter Miami](#)
- [7 sungai di Kedah lepas tahap bahaya](#)
- [Sunderland terus cipta sensasi di EPL](#)

ADVERTISEMENT